

Khamis, Apr 26 2018

# Jerantut lokasi kedua UTC

UTUSAN 26/4

**JERANTUT 25 April** - Berita baik buat penduduk di sekitar daerah ini apabila sebuah bangunan Pusat Transformasi Bandar (UTC) bakal dibina tidak lama lagi bagi memudahkan urusan dengan agensi-agensi kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, atas sambutan hebat penduduk dan mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris, beliau meluluskan pembinaan UTC itu sebagai lokasi kedua di negeri ini.

“Saya juga meluluskan peruntukan RM1juta bagi pembinaan surau Sekolah Menengah Agama Tengku Afzan di sini,” katanya berucap dalam program Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di sini hari ini.

Menurut Najib, selain itu, peruntukan sebanyak RM36.42 juta turut diluluskan untuk membina empat buah klinik kesihatan baharu iaitu di Kampung Labu, Kuala Tahan, Kampung Piol dan blok pergigian Klinik Kesihatan Kuala Tekam Utara.